



**State Mufti's Office**  
*Prime Minister's Office*  
**Brunei Darussalam**

## **AWAS MENYEKSA BINATANG MENEMPAH NERAKA!**

**(Bilangan 266 Bahagian Pertama)**

*(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas  
Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)*

Penganiayaan atau penyeksaan terhadap binatang itu adalah satu kezaliman. Islam melarang keras kepada umatnya melakukan sebarang bentuk kezaliman baik sesama manusia mahupun terhadap binatang. Hatta ketika menyembelih pun, binatang itu hendaklah diperlakukan dengan penuh ihsan. Sebagaimana yang disyariatkan hendaklah menggunakan pisau yang tajam serta makruh mengasah pisau di hadapan binatang yang akan disembelih dan menyembelih binatang lain di hadapannya.

Perbuatan menyeksa atau menganiaya binatang adalah jelas haramnya. Al-Imam Ibnu Hajar al-Haitami *Rahimahullah* mengkategorikan menyeksa binatang itu termasuk dalam dosa-dosa besar. Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

( )

**Maksudnya:** “*Sesiapa yang menyeksa sesuatu yang bernyawa, lalu tidak bertaubat, nescaya Allah menyeksanya pada Hari Kiamat.*”

(Hadits riwayat Ahmad)

Antara bentuk-bentuk penyiksaan dan penganiayaan yang dilakukan terhadap binatang ialah:

## **1. Melagakan binatang**

Melagakan atau menyabung binatang mendedahkannya kepada bahaya, kesakitan bahkan boleh mengakibatkan kematian.

Perbuatan ini adalah dilarang oleh Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam*. Larangan tersebut dinyatakan dalam hadits yang diriwayatkan oleh Ibnu 'Abbas *Radhiallahu 'anhuma* katanya:

( )

**Maksudnya:** “*Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam melarang melaga binatang.*”

(Hadits riwayat at-Tirmidzi dan Abu Daud)

## **2. Memukul dan menyelar muka binatang**

Muka adalah bahagian anggota badan yang lembut. Memukul dan menyelar pada bahagian muka adalah antara bentuk penyiksaan terhadap binatang. Menyelar muka binatang bagi tujuan

meletakkan tanda pengenalan binatang ialah menggunakan besi panas yang telah dibakar. Perbuatan demikian sudah tentu mendatangkan kesakitan yang amat sangat, lebih-lebih lagi pada bahagian muka. Dari itu perbuatan ini adalah dilarang. Sebagaimana hadits yang diriwayatkan oleh Jabir *Radhiallahu ‘anhu* katanya:

( )

**Maksudnya:** “*Rasulullah Shallallahu ‘alaihi wasallam melarang memukul dan menyelar muka.*”

(Hadits riwayat Muslim)

Muka binatang juga termasuk di dalam larangan ini.

Allah *Subhanahu wa Ta’ala* melaknat mereka yang menyelar muka binatang. Sahabat Rasulullah *Shallallahu ‘alaihi wasallam*, Jabir *Radhiallahu ‘anhu* meriwayatkan sebuah hadits mengenai perkara ini, katanya:

:

( )

**Maksudnya:** “*Bahawasanya telah melintas di hadapan Nabi Shallallahu ‘alaihi wasallam seekor keldai yang telah diselar pada bahagian mukanya. Maka Baginda bersabda: “Allah melaknat orang yang menyelar (pada bahagian muka) keldai”.*

(Hadits riwayat Muslim)

Adapun menyelar binatang bukan pada bahagian muka seperti badan binatang itu maka tidaklah diharamkan bahkan harus hukumnya.

### **3. Mengembiri binatang**

Mengembiri binatang yang haram dimakan seperti kucing dan sebagainya adalah dilarang, sama ada binatang itu masih kecil atau pun sudah dewasa. Bahkan ia termasuk dalam dosa-dosa besar sebagaimana yang disebutkan oleh al-Imam Ibnu Hajar al-Haitami *Rahimahullah*.

Adapun binatang yang halal dimakan seperti kambing, lembu dan seumpamanya adalah haram dikembiri jika binatang tersebut sudah dewasa. Berlainan pula jika binatang yang halal dimakan itu masih kecil, maka harus dikembiri binatang tersebut jika tujuan kembiri itu ialah untuk menggemukkan binatang itu dan mendapatkan daging yang lebih enak.

### **4. Memisahkan anak daripada ibunya**

Perbuatan memisahkan anak binatang yang masih kecil daripada ibunya boleh mendatangkan kesusahan kepada anak binatang tersebut. Ini kerana ia masih perlukan penjagaan dan perlindungan daripada ibunya, sama seperti kita manusia. Oleh sebab itulah perbuatan ini dilarang oleh syara'.

Hal ini pernah diriwayatkan oleh 'Abdullah Ibn Mas'ud *Radhiallahu 'anhu* mengenai anak burung yang dipisahkan daripada indungannya, beliau berkata:

...

( )

**Maksudnya:** *“Adalah kami (kata ayahanda Abdullah) bersama-sama Rasulullah Shallallahu ‘alaihi wasallam dalam suatu perjalanan. Lalu Rasulullah Shallallahu ‘alaihi wasallam berangkat kerana suatu keperluan Baginda, maka kami melihat hummarah (sejenis burung), bersamanya dua ekor anaknya, kami pun mengambil dua ekor anak burung itu, maka datanglah hummarah itu mengkebas-kebas kepaknya. Lalu Rasulullah Shallallahu ‘alaihi wasallam pun datang dengan bersabda: “Siapa yang menyakiti (menyusahkan) anak-anak burung ini dengan (memisahkan) dari ibunya? Kembalikan semula anak burung ini kepada ibunya ...”*

(Hadits riwayat Abu Daud)

## **5. Mengurung sehingga mati kelaparan**

Mengurung binatang tanpa memberinya makanan sehingga dibiarkan mati kelaparan adalah dilarang dan ia boleh menyebabkan seseorang itu masuk neraka, sebagaimana diceritakan dalam suatu peristiwa:

( )

**Ertinya:** *“Disiksa seorang perempuan (kerana) seekor kucing yang telah dikurungnya sehingga mati kelaparan. Dengan sebab itu masuklah perempuan itu dalam api nereka.”*

(Hadits riwayat al-Bukhari)

*bersambung*